

PM: 'Kukuhkan perpaduan Melayu

UM - 4 JUL 2000

IPOH 3 Julai — Orang Melayu diingatkan supaya tidak menunggu sehingga penjajahan bentuk baru oleh kuasa Barat menjadi kenyataan, sebaliknya mereka perlu mempersiapkan diri dengan mengukuhkan perpaduan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, masih ramai orang Melayu yang tidak percaya dan kurang faham bahawa Barat memang merancang untuk menjajah semula negara-negara yang pernah ditak-

luki mereka, termasuk negara ini.

"Janganlah tunggu sehingga (penjajahan) terjadi baru boleh percaya perancangan ini yang mana penjajahan baru ini termasuklah melalui globalisasi dan order baru dunia," katanya.

Beliau yang juga Presiden UMNO berkata demikian ketika berucap pada Majlis Makan Malam Bersama Presiden dan Ahli-Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO di kediaman rasmi Menteri Besar di sini, malam ini.

Pada majlis makan malam

yang berkonsepkan mesra rakyat itu, setiap ahli MT duduk semeja dengan ahli-ahli UMNO bagi mendekatkan hubungan antara kepimpinan parti dan ahli akar umbi.

Dr. Mahathir berkata, beliau yang telah melalui kehidupan pada zaman penjajahan British, Jepun dan Siam, berharap tidak akan melihat negara ini dijajah semula.

Katanya, jika orang Melayu berpecah kedua-dua pihak yang berbalah akan terus menjadi lemah sedangkan yang mencapai 'kemenangan'

ialah kuasa Barat yang telah merancang lama untuk memecahbelahkan rakyat negara ini.

"Barat telah berjaya melakukannya di negara lain, tetapi gagal melaksanakannya di negara ini kerana rakyat masih bersatu padu," katanya.

Dr. Mahathir berkata, sehubungan itu, pemimpin dan ahli-ahli UMNO mempunyai tanggungjawab besar untuk menyatupadukan orang Melayu melalui penjelajahan ke seluruh negara.